

**Permaisuri Agong Berangkat ke Majlis Makan Malam Persatuan Pandu Puteri  
Bernama  
Jun 11, 2014**

PUTRAJAYA, 11 Jun (Bernama) -- Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah malam ini berkenan berangkat ke majlis makan malam sempena mesyuarat agung tahunan 2013/2014 Persatuan Pandu Puteri Malaysia (PPPM).

Baginda merupakan Penaung Diraja bagi persatuan itu.

Majlis itu dihoskan isteri perdana menteri Datin Seri Rosmah Mansor yang juga Yang Dipertua PPPM di Seri Perdana di sini.

Turut hadir Raja Puan Muda Perak Raja Nor Mahani Raja Shahar Shah yang juga Timbalan Yang Dipertua PPPM.

Majlis yang dihadiri kira-kira 250 anggota PPPM dari seluruh negara itu turut diserikan dengan persembahan pasukan tari PPPM yang menjuarai International Dance Competition di Rusia, Mei lalu.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1045489>